



ZAYAN REWIND LAGU NASYID TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD (NO. SYARIKAT: 199601031120 (403472-D))
2.	Stesen Radio	ZAYAN
3.	Nama Peraduan	ZAYAN REWIND NASYID
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Ini adalah peraduan atas talian untuk peluang memenangi wang tunai sekurang-kurangnya RM200.00
5.	Mekanisme ringkas Peraduan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peserta harus mendengarkan radio ZAYAN 2. Dengarkan klip lagu Nasyid yang dimainkan secara terbalik 3. Kemudian Peserta perlu menjadi pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara; 4. Peserta perlu memberikan judul lagu Nasyid yang dimainkan berdasarkan klip lagu tersebut dalam tempoh sepuluh (10) saat 5. Jika jawapan yang diberikan oleh Peserta betul, Peserta berpeluang memenangi sekurang-kurangnya RM200.00; 6. Jika jawapan yang diberikan oleh Peserta salah, jumlah wang tersebut akan dibawakan ke segmen Peraduan seterusnya <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah. b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka. (b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini. (c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini. (d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.

8.	Umur Kelayakan	<p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.</p> <p>b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
9.	Caj	Caj telekomunikasi lazim yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta.
10.	Tempoh Peraduan	<p>6 February 2023 - 17 February 2023</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknya.</p>
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Peserta perlu menjadi pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	17 February 2023
14.	Cara Penghantaran	Melalui panggilan Telefon – Memanggil nombor telefon Stesen Radio - 03-9549 5555
15.	Alamat	All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara, mengenal pasti judul lagu Nasyid berdasarkan klip lagu yang dimainkan dengan betul dalam tempoh sepuluh (10) saat.
17.	Hadiah	Wang tunai sekurang-kurangnya RM200.00 untuk setiap pemenang
18.	Pemakluman Pemenang	Pemenang akan dimaklumkan selepas Peraduan.
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Dalam tempoh satu (1) bulan daripada pemakluman pihak Penganjur
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Tidak berkenaan
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta-Peserta bersetuju kepada Notis Privasi yang didapati di http://media2.fishtank.my/media/astroradio/assets/legal-privacy-terms/privacy-notice.pdf</p> <p>Kaedah pembayaran hadiah wang tunai oleh Penganjur adalah melalui pemindahan telegraf ke akaun bank pemenang. Pemenang harus memberikan butir-butiran akaun bank atau pemindahan yang tepat kepada Penganjur. Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai hadiah wang tunai untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang ingin menerima hadiah wang tunai melalui cek, pemenang perlu mengeluarkan surat kepada Penganjur menyatakan permintaan mereka. Pemenang harus menanggung semua caj-caj yang</p>

		<p>berkaitan dengan pengeluaran, pengeluaran semula dan/atau pelepasan cek. Caj-caj tersebut akan ditolak daripada nilai hadiah wang tunai, melainkan caj-caj tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI***</p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -</p> <ol style="list-style-type: none"> talian telefon terputus atau terganggu; atau terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talian-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau dua talian telefon terlintang semasa Peraduan; <p>pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan Peserta yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada Peserta, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.</p> <p>Sekiranya suara selain daripada pemanggil (atau Peserta) didengar di talian telefon, Peserta atau Pemenang yang layak adalah orang pertama di talian telefon untuk bercakap. Jika tidak dapat menentukan pemanggil mana yang pertama untuk bercakap di talian telefon, cabutan rawak akan diadakan untuk menentukan Pemenang, dan keputusan cabutan adalah muktamad.</p> <p>Mana-mana penyertaan yang didapati menggunakan penukaran talian telefon atau peralatan pengaturcaraan akan hilang kelayakan.</p> <p>Isyarat memanggil berkuatkuasa hanya apabila didengar di siaran radio di udara, dan isyarat memanggil yang didengar melalui internet tidak sah kerana mungkin terdapat kelewatan dalam penghantaran audio atau kesilapan di internet.</p> <p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma, pas atau baucar:</p> <ol style="list-style-type: none"> pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara tersebut, penaja atau pihak yang mengeluarkan tiket, pas atau baucar tersebut; pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket, pas atau baucar (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja.
--	--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.